



No. 0016

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1996

**PERMOHONAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI AWAM
UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM AKTIVITI POLITIK**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memberi penjelasan dan panduan mengenai permohonan oleh pegawai-pegawai awam untuk mengambil bahagian dalam aktiviti politik.

LATAR BELAKANG

2. Mengikut subperaturan 21(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993], seseorang pegawai dalam Kumpulan Sokongan boleh bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik setelah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan.
3. Di bawah subperaturan 21(3), Peraturan-Peraturan yang sama, pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang dibenarkan bercuti sehingga ke tarikh persaraannya bagi maksud menghabiskan kesemua cuti rehatnya yang terkumpul, boleh mengambil bahagian dalam aktiviti politik dengan syarat mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan.
4. Bagi pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan yang menjadi ahli biasa mana-mana parti politik, subperaturan 21(6), Peraturan-Peraturan yang sama mengkehendaki mereka memaklumkan kepada Ketua Jabatan masing-masing.

PIHAKBERKUASA YANG MELULUSKAN

5. Penentuan sama ada sesuatu permohonan perlu diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha Kementerian adalah seperti berikut:

Pegawai	Pihakberkuasa Yang Meluluskan
Pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Gunasama	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Bukan Gunasama	Ketua Setiausaha Kementerian Yang Berkenaan

TATACARA MEMBUAT PERMOHONAN

6. Pegawai-pegawai seperti yang dinyatakan di perenggan 2 dan 3 di atas yang bercadang untuk bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam parti politik atau mengambil bahagian dalam aktiviti politik, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah membuat permohonan dengan mengemukakan dua (2) salinan borang JPA(T) 1/96 seperti di **Lampiran 'A'** kepada Pekeliling Perkhidmatan ini kepada Pihakberkuasa yang meluluskan melalui Ketua Jabatan masing-masing.

7. Ketua Jabatan dikehendaki memberi ulasan ke atas permohonan tersebut dengan mengambilkira perkara-perkara yang dinyatakan di **Lampiran 'B'**.

SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN

8. Dalam memberi pertimbangan dan kelulusan ke atas permohonan-permohonan di perenggan 6 di atas, Pihakberkuasa yang meluluskan hendaklah mengambilkira perkara-perkara yang dinyatakan di **Lampiran 'B'** dan keadaan-keadaan lain yang difikirkan perlu.

9. Keputusan sama ada diluluskan atau tidak hendaklah diberitahu kepada pegawai dan contoh-contoh surat adalah seperti di **Lampiran 'C'** dan **'D'**.

PEGAWAI YANG MENJADI AHLI BIASA

10. Pegawai yang menjadi ahli biasa mana-mana parti politik hendaklah memaklumkan kepada Ketua Jabatan masing-masing dengan mengisi borang JPA(T) 2/96 seperti di **Lampiran 'E'**.

MAKLUMBALAS KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

11. Semua kelulusan permohonan penglibatan pegawai dalam aktiviti politik hendaklah disalinkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (untuk perhatian Unit Tatatertib).

TARIKH KUATKUASA


12. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

13. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

14. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1971 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 30 Tahun 1974 adalah dibatalkan.



(DATO' PADUKA DR. MAZLAN BIN AHMAD)
Ketua Pegarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

Tarikh: 15 Ogos 1996

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan

BORANG JPA (T) 1/96

**PERMOHONAN UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN
DALAM AKTIVITI POLITIK**

(Diisi dalam 2 salinan)

BAHAGIAN I: BUTIR-BUTIR PEMOHON

1. Nama Penuh (Huruf Besar).....
2. Nombor Kad Pengenalan.....
3. (i) Tarikh Lahir.....
(ii) Umur Pada Tarikh Memohon.....
4. (i) Gelaran Jawatan.....
(ii) Gred Jawatan.....
(iii) Taraf Perkhidmatan (sama ada tetap/percubaan/kontrak/sementara)
.....
(iv) Skim Perkhidmatan.....
5. (i) Kementerian.....
(ii) Jabatan.....
(iii) Alamat Penuh Tempat Bertugas
.....
6. (i) Tarikh Lantikan Dalam Perkhidmatan Kerajaan
(ii) Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan
7. (i) Gaji Bulanan RM.....
(ii) Elaun (jika ada).....
8. (i) Nama Suami/isteri.....
(ii) Pekerjaan.....

BAHAGIAN II: JENIS PERMOHONAN

- 1. Permohonan untuk memegang jawatan dalam parti politik bagi Kumpulan Sokongan.

- 2. Permohonan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti politik semasa bercuti sebelum bersara bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional
 - i. Tarikh mula bercuti.....
(jika berkaitan)

 - ii. Tarikh kuatkuasa persaraan.....
(jika berkaitan)

(tandakan (√) mana yang berkenaan)

BAHAGIAN III: BUTIR-BUTIR PARTI POLITIK

- 1. Nama parti politik.....

- 2. Bahagian/Cawangan.....

- 3. Nama jawatan yang akan dipegang.....
(jika berkaitan)

BAHAGIAN IV: PERAKUAN PEGAWAI

Saya mengaku bahawa butir-butir yang dinyatakan di Bahagian I, II dan III adalah benar.

- 2. Dengan ini saya memohon kelulusan seperti dinyatakan di Bahagian II dan berjanji akan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan.

Tarikh.....

.....

(Tandatangan Pegawai)

BAHAGIAN V: ULASAN KETUA JABATAN

.....
.....
.....
.....

Tarikh.....

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama.....

Jawatan/gred.....
.....
.....

BAHAGIAN VI: KEPUTUSAN

Tidak diluluskan

Diluluskan tertakluk kepada syarat-syarat seperti di Lampiran.....

(Tandakan (✓) mana yang berkenaan)

Tarikh.....

.....
(Tandatangan)

Nama.....

Jawatan:.....
.....

Catatan: Keputusan dibuat oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bagi Pegawai Gunasama dan Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan bagi Pegawai Bukan Gunasama.

**SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN
KEPADA PEGAWAI AWAM YANG DILULUSKAN
UNTUK BERGIAT DALAM AKTIVITI POLITIK**

1. Kegiatan dalam politik hendaklah tidak mengganggu tugas rasmi sebagai pegawai Kerajaan;
2. Segala kegiatan politik hendaklah dilakukan di luar waktu pejabat;
3. Pegawai hendaklah memohon cuti selaras dengan peraturan yang ditetapkan jika kegiatan politik melibatkan waktu pejabat;
4. Tidak boleh menggunakan pengaruh politik bagi menyelesaikan masalah-masalah perkhidmatan demi kepentingan peribadi atau bagi pihak sesuatu kumpulan, pertubuhan, persatuan atau sebagainya;
5. Tidak boleh menggunakan sebarang maklumat rasmi pejabat untuk tujuan kegiatan politik;
6. Segala kegiatan politik hendaklah tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 mengenai tatakelakuan dan lain-lain peraturan yang berkaitan dengannya; dan
7. Pihakberkuasa yang meluluskan boleh menarik balik kelulusan yang diberi kepada pegawai yang gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan ini dan pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

(Catatan: Butir-butir di atas boleh ditambah mengikut keadaan-keadaan lain yang difikirkan perlu)

(*Nama dan alamat pegawai*)

Ruj:.....

Tarikh:.....

Melalui dan salinan:

(*Ketua Jabatan dan alamat Jabatan*)

(u.p.:)

Tuan,

Permohonan Untuk Mengambil Bahagian Dalam Aktiviti Politik Daripada (*Nama Dan Jawatan Pegawai*)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada permohonan tuan bertarikh (*tarikh*) mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam/Ketua Setiausaha Kementerian pada (*tarikh*) telah membuat keputusan tidak meluluskan permohonan tuan untuk (*nyatakan tujuan permohonan*).

Sekian, terima kasih.

(*Nama Pegawai*)

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam/
Ketua Setiausaha Kementerian
(*Nama Kementerian*)

s.k: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Kompleks JPA, Blok B, Aras 1
Jalan Tun Ismail
50510 KUALA LUMPUR

(u.p: Unit Tatatertib)

Bersama-sama ini dilampirkan Borang JPA (T) 1/96 untuk tujuan rekod.

(*Nama dan alamat pegawai*)

Ruj:.....

.....
.....
.....

Tarikh:.....

Melalui dan salinan:

(*Ketua Jabatan dan alamat Jabatan*)

.....
.....
.....

(u.p.:)

Tuan,

Permohonan Untuk Mengambil Bahagian Dalam Politik Daripada (*Nama Dan Jawatan Pegawai*)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada permohonan tuan bertarikh (*tarikh*) berhubung dengan perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam/Ketua Setiausaha Kementerian pada (*tarikh*) telah bersetuju meluluskan permohonan tuan untuk (*nyatakan tujuan permohonan*). Kelulusan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 2.1 Kegiatan dalam politik hendaklah tidak mengganggu tugas rasmi tuan sebagai pegawai Kerajaan;
- 2.2 Segala kegiatan politik hendaklah dilakukan di luar waktu pejabat;
- 2.3 Tuan hendaklah memohon cuti selaras dengan peraturan yang ditetapkan jika kegiatan politik melibatkan waktu pejabat;
- 2.4 Tuan tidak boleh menggunakan pengaruh politik bagi menyelesaikan masalah-masalah perkhidmatan demi kepentingan peribadi atau bagi pihak sesuatu kumpulan, pertubuhan, persatuan atau sebagainya;
- 2.5 Tidak boleh menggunakan sebarang maklumat rasmi pejabat untuk tujuan kegiatan politik;

2.6 Segala kegiatan politik hendaklah tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 mengenai tatakelakuan dan lain-lain peraturan yang berkaitan dengannya; dan

2.7 Sekiranya syarat-syarat ini tidak dipatuhi, Kerajaan boleh menarik balik kelulusan yang diberi dan tuan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4(2)(i), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Sekian, dimaklumkan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam/
Ketua Setiausaha Kementerian
(*Nama Kementerian*)

s.k: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Kompleks JPA, Blok B, Aras 1
Jalan Tun Ismail
50510 KUALA LUMPUR

(u.p: Unit Tatatertib)

Bersama-sama ini dilampirkan Borang **JPA (T) 1/96** untuk tujuan rekod.

BORANG JPA (T) 2/96

(Ketua Jabatan dan Alamat)

.....
.....
.....
.....

Tuan,

Memaklumkan Keahlian Dalam Parti Politik

Dengan hormatnya saya (*Nama dan No. K/P*) bertugas sebagai (*Jawatan dan Gred*) di (*Jabatan dan alamat tempat bertugas*) memaklumkan keahlian dalam parti politik berikut:

- (i) Nama parti politik :
-
- (ii) Tarikh mula menjadi ahli :
-

2. Makluman ini adalah selaras dengan Peraturan 21(6), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

.....
(*Tandatangan*)

(*Nama Pegawai*)

